



SIARAN AKHBAR

S.A. 2025/05/27_11 (HQ)

TNB PERKUKUH KEDUDUKAN SERANTAU MELALUI KERJASAMA SEKTOR TENAGA DAN AIR DI NEGARA TELUK (GCC)

Sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46–GCC 2025, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd. (TNB REMACO) mengumumkan satu kerjasama strategik penting bagi memperkukuh lagi kehadirannya di rantau Teluk.

Semasa sidang kemuncak tersebut, TNB REMACO telah memeterai satu Perkongsian Usaha Sama (Joint Venture) Strategik bersama Al-Dhow Engineering General Trading & Contracting Co. W.L.L. dari Kuwait, yang dimuktamadkan melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU). MoU ini merangkumi kerjasama dalam sektor penjanaan tenaga dan penyulingan air di rantau Majlis Kerjasama Teluk (GCC) selama dua (2) tahun, melibatkan negara-negara Kuwait, Bahrain, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu.

Majlis pertukaran dokumen telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 26 Mei 2025, dan disaksikan oleh Duli Yang Amat Mulia Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah, Putera Mahkota Negara Kuwait, serta YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

TNB REMACO diwakili oleh Pengarah Urusannya, Ts. Abidin bin Sarjo, manakala Al-Dhow Engineering diwakili oleh Joe Georges Chidiac, Ketua Pegawai Eksekutifnya di majlis tersebut. Perkongsian strategik ini mencerminkan peningkatan kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Kuwait, sekaligus menyerlahkan peranan Malaysia yang semakin meningkat di Timur Tengah, khususnya dalam sektor penting seperti tenaga dan infrastruktur tenaga.

Sebagai peneraju dalam peralihan tenaga negara, TNB terus menawarkan penyelesaian tenaga yang berkualiti, diyakini dan mampan untuk memenuhi permintaan global yang semakin meningkat. Menerusi anak syarikat penjanaan kuasanya, TNB Power Generation Sdn. Bhd. (TNB Genco), TNB menyediakan penyelesaian jangka panjang yang menyeluruh dan disesuaikan mengikut keperluan sesebuah negara. TNB memiliki keupayaan komprehensif yang merangkumi seluruh kitaran hayat projek, daripada pembangunan loji jana kuasa hingga ke operasi dan penyelenggaraan bagi membolehkan pelaksanaan infrastruktur tenaga yang mampan dan sedia menghadapi keperluan masa depan di peringkat global.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 27 Mei 2025 3:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau e-mel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki kapasiti penjanaan sebanyak 3.3GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.2GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkey, yang terutamanya terdiri daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Setakat 31 Mac 2025, TNB membekalkan elektrik kepada lebih daripada 11 juta pelanggan.

Mengenai TNB Genco

TNB Power Generation Sdn. Bhd. atau TNB Genco (www.tnbgenco.com.my), telah diperbadankan sebagai anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 1 Oktober 2020 bagi menerajui peranan penjanaan tenaga TNB dalam menyediakan bekalan tenaga yang selamat, stabil, boleh dipercayai dan mampan. TNB Genco memiliki keupayaan hujung ke hujung (E2E) yang merangkumi pembangunan loji, operasi & penyelenggaraan (O&M) serta pengurusan di penghujung hayat aset. Inisiatif strategik TNB Genco adalah Kecemerlangan Pemulihan, Peningkatan Produktiviti dan Pengembangan Aset & Perkhidmatan. Di TNB Genco, kami komited untuk terus memacu agenda Pertumbuhan (Growth), Kehijauan (Green) dan Globalisasi (Global).

Mengenai TNB REMACO

TNB REMACO (TNB Repair and Maintenance Sdn. Bhd.) ditubuhkan pada tahun 1995 dan merupakan anak syarikat milik penuh TNB Genco. Ia mengkhusus dalam operasi dan penyelenggaraan (O&M), baik pulih dan penyelenggaraan (R&M) untuk sektor tenaga, dengan memberi tumpuan kepada loji janakuasa termasuk turbin gas, stim dan hidro, dandang, penjana dan lain-lain. Kepakaran teknikal syarikat ini merangkumi produk daripada pengeluaran loji kuasa dan peralatan sampingan terkemuka dunia. TNB REMACO menyediakan penyelesaian menyeluruh untuk pemasangan dan peralatan berskala kecil hingga besar, di Malaysia dan luar negara. Syarikat ini juga telah mengembangkan sayapnya ke peringkat antarabangsa, termasuk di Arab Saudi, Pakistan dan Kuwait.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (paling kanan) dan Duli Yang Amat Mulia Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah, Putera Mahkota Negara Kuwait (paling kiri), menyaksikan pertukaran dokumen antara Pengarah Urusan TNB REMACO, Ts. Abidin bin Sarjo (dua dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Al-Dhow Engineering, Joe Georges Chidiac (dua dari kiri), sebagai simbolik kepada pemeteraian Memorandum Persefahaman bagi kerjasama strategik dalam sektor tenaga dan air di rantau Majlis Kerjasama Teluk (GCC).